

20/01/2000

Umno Selangor sebulat suara sokong Abu Hassan

SHAH ALAM, Rabu - Badan Perhubungan Umno Selangor yang bermesyuarat sehingga lewat malam tadi menyatakan sokongan sebulat suara kepada pengerusi mereka, Datuk Seri Abu Hassan Omar bertanding jawatan Naib Presiden.

Dalam mesyuarat itu, semua 17 bahagian Umno di negeri itu juga dikatakan menyatakan sokongan padu kepada Menteri Besar untuk bertanding jawatan berkenaan.

Pengerusi Jawatankuasa Tetap Infrastruktur, Penerangan dan Teknologi Maklumat, Datuk Mohd Sharif Jajang yang juga Pengerusi Penerangan Umno negeri, berkata semua ketua 17 bahagian Umno bersetuju dan berkeyakinan Abu Hassan mampu dan berkelayakan untuk memantapkan jentera parti.

Katanya, semua ketua Umno bahagian itu bersetuju menyampaikan keputusan Badan Perhubungan Umno negeri mencalonkan Abu Hassan kepada ahli parti dalam mesyuarat yang akan diadakan Mac depan.

"Kita juga berharap hanya satu saja calon dicadangkan dari Selangor bagi jawatan Naib Presiden.

"Lapan bahagian akan bermesyuarat pada 12 Mac, manakala lapan lagi pada 19 Mac, sementara Bahagian Shah Alam agak lewat iaitu pada 2 April 2000," katanya.

Menurutnya, mesyuarat malam tadi juga sebulat suara mencadangkan Speaker Dewan Undangan Negeri, Datuk Seri Onn Ismail bertanding jawatan Timbalan Pengerusi Tetap Umno Malaysia berikutan keyakinan yang tinggi bahawa beliau dapat menjalankan tugas dengan baik.

Abu Hassan berkata beliau sudah bersedia bertanding selepas mengetahui keputusan itu (malam tadi) tetapi masih perlu mengadakan perbincangan semula dengan mereka (badan perhubungan negeri) selepas semua bahagian mengadakan mesyuarat dan menyatakan sokongan masing-masing.

Menurutnya, dalam perjumpaan dengan ketua bahagian sehingga jam 12.30 tengah malam tadi, beliau memberikan taklimat mengenai apa yang dikehendaki pucuk pimpinan iaitu meminta ahli terus berjuang demi kepentingan bangsa.

"Semua 17 bahagian akur terhadap nasihat MT bahawa jawatan Presiden dan Timbalan Presiden parti tidak dipertandingkan kerana mahu melihat Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi kekal," katanya.

(END)